

MRT Corp tak lantik ejen urus iklan

Kuala Lumpur: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) tidak mempunyai sebarang hubung kait dengan penipuan iklan yang didakwa akan dipaparkan di semua perkhidmatan Mass Rapid Transit (MRT).

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Berkepentingan MRT Corp, Datuk Najmuddin Abdullah berkata, berdasarkan polisi syarikat, syarikat berkenaan hanya menjalankan pembangunan perniagaannya melalui Jabatan Pengurusan Komersial dan Tanah.

Katanya, jabatan itu akan menguruskan semua tender termasuk tender ruang komersial di stesen MRT, pengiklanan konsesi tender, mesin layan diri atau apa-apa perniagaan lain (bukan tambang) yang berkaitan



dengan aset MRT Corp.

“MRT Corp tidak akan melantik orang perseorangan atau syarikat swasta untuk meminta atau menawarkan peluang perniagaan berkenaan.

“Jika mempunyai sebarang keraguan, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pengurusan Komersial dan Tanah kami untuk mengesahkan sebarang tawaran yang mencurigakan,” katanya.